

18 FEB 1998

Khalil - Komersil

J/KUASA KUMPULAN WANG AMANAH BELI LOT KOMERSIL BUMIPUTERA DIBENTUK

KUANTAN, 18 Feb (Bernama) -- Pahang mewujudkan Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pembelian Lot-lot Komersil Bumiputera, untuk membeli lot-lot komersil kuota Bumiputera yang tidak dibeli bagi memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan hartanah dan perniagaan Bumiputera dapat diteruskan.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata ia bertujuan memastikan Bumiputera dapat bersaing dengan peniaga-peniaga lain, khususnya di kawasan-kawasan strategik.

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri Datuk Zainal Abidin Mat Said. Dana kumpulan wang itu akan disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang.

Lot-lot itu akan dijual semula kepada Bumiputera apabila ada yang mampu membelinya atau penjualan dibuat secara sewa-beli, kata Khalil kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini.

Pembelian lot dengan cara itu perlu kerana banyak lot komersil kuota Bumiputera yang dimajukan oleh pemaju swasta tidak dibeli oleh Bumiputera, katanya.

Katanya, sebelum ini pembelian lot-lot komersil Bumiputera oleh kerajaan dibuat secara ad-hoc sejak tahun lepas.

Menurutnya sehingga kini sebanyak 30 unit lot komersil Bumiputera di Temerloh dan 10 unit lot Bumiputera di Genting Highlands dibeli oleh Kerajaan Negeri melibatkan kos kira-kira RM20 juta.

Ketika ditanya mengenai mesyuarat cawangan dan perwakilan Bahagian Umno, Khalil yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata beliau merayu supaya anggota parti mematuhi nasihat presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya perundingan diadakan bagi mengelakkan pertandingan peringkat Bahagian.

Bagaimanapun Khalil berkata, bagi mereka yang tetap mahu menawarkan diri untuk bertanding mereka diminta memastikan anggota dari bahagian lain tidak dibawa sama ke bahagian itu untuk membantu calon yang bertanding.

Katanya, terdapat satu-dua orang yang asyik hendak menjadi calon telah membawa anggota dari bahagian lain untuk membantu dalam usahanya memenangi pemilihan. -- BERNAMA.

AZ RI